



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM TIMSS 2019

Malaysia telah mengambil bahagian dalam kajian perbandingan antarabangsa *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) 2019 yang dikendalikan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA). TIMSS 2019 telah memperkenalkan pentaksiran berasaskan komputer iaitu eTIMSS yang turut disertai Malaysia. Negara peserta eTIMSS juga perlu melaksanakan pentadbiran kajian secara *paperTIMSS* sebagai sebahagian proses transisi daripada *paperTIMSS* ke eTIMSS.

TIMSS menilai pencapaian murid yang berada di Tingkatan 2 dalam mata pelajaran Matematik dan Sains di samping menganalisis dapatan soal selidik murid, sekolah, guru Sains dan guru Matematik. Pentadbiran kajian ini telah **dilaksanakan pada 16 Oktober 2018 hingga 1 November 2018** dengan melibatkan sejumlah 9,637 murid. Seramai 1,560 murid terlibat bagi *paperTIMSS* dan 8,077 bagi eTIMSS.

Skala pencapaian TIMSS 2019 bagi Matematik dan Sains adalah ditetapkan kepada 4 aras penandaarasan antarabangsa iaitu:

- i. Aras Tertinggi (skor 625);**
- ii. Aras Tinggi (skor 550);**
- iii. Aras Sederhana (skor 475); dan**
- iv. Aras Rendah (skor 400).**

Malaysia telah menunjukkan peningkatan bagi mata pelajaran Matematik di dalam *paper*TIMSS berbanding TIMSS 2015 sebanyak 8 mata skor dengan purata skor keseluruhan iaitu 473. Bagi Matematik dalam eTIMSS, Malaysia telah memperolehi purata skor 461 iaitu 4 mata lebih rendah berbanding pencapaian dalam TIMSS 2015.

Malaysia telah mencatat kejayaan di dalam TIMSS 2019 kerana buat julung kalinya murid Malaysia memperoleh skor melebihi 700 yang merupakan skor Aras Tertinggi dalam mata pelajaran Matematik. Seramai 25 murid *paper*TIMSS dan 65 murid eTIMSS memperoleh skor melebihi 700. Pencapaian skor individu tertinggi bagi *paper*TIMSS ialah 799 manakala bagi eTIMSS ialah 764.

Dari segi peratusan, murid yang memperoleh Aras Tertinggi dalam *paper*TIMSS mata pelajaran Matematik ialah 6% dan bagi eTIMSS ialah 4%. Ini merupakan peningkatan sebanyak 3% bagi *paper*TIMSS dan 1% bagi eTIMSS berbanding pencapaian TIMSS 2015.

Bagi mata pelajaran Sains, Malaysia telah memperolehi purata skor 469 iaitu 2 mata skor lebih rendah berbanding TIMSS 2015. Bagi eTIMSS, purata skor mata pelajaran Sains ialah 460 iaitu 11 mata lebih rendah berbanding TIMSS 2015.

Kejayaan turut diperolehi Malaysia bagi mata pelajaran Sains di dalam TIMSS 2019 kerana buat julung kalinya seramai 13 murid *paper*TIMSS dan 23 murid eTIMSS memperoleh skor melebihi 700 yang merupakan Aras Tertinggi dalam Sains. Pencapaian skor individu tertinggi bagi *paper*TIMSS ialah 778 manakala bagi eTIMSS ialah 747. Pencapaian ini merupakan skor individu tertinggi murid dalam mata pelajaran Sains sejak penyertaan Malaysia dalam TIMSS bermula tahun 1999.

Dari segi peratusan, murid yang memperoleh Aras Tertinggi dalam *paper*TIMSS mata pelajaran Sains ialah 4% dan bagi eTIMSS ialah 3%. Berbanding TIMSS 2015, terdapat peningkatan sebanyak 1% bagi *paper*TIMSS manakala peratusan murid pada Aras Tertinggi bagi eTIMSS adalah setara seperti yang diperolehi di dalam TIMSS 2015.

Dapatan daripada TIMSS 2019 akan dijadikan panduan bagi merangka strategi untuk menambahbaik pelbagai program dan inisiatif KPM dengan mengambil kira pencapaian murid pada pelbagai aras, serta kaedah dan teknik penyampaian guru dalam bilik darjah. Bergerak ke hadapan, usaha penambahbaikan secara holistik akan terus dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan di Malaysia.

Laporan Antarabangsa TIMSS 2019 boleh dimuat turun daripada laman sesawang IEA melalui pautan <https://www.iea.nl/studies/iea/timss> dan laporan Kebangsaan TIMSS 2019 boleh didapati di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pautan <https://www.moe.gov.my>

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

08 DISEMBER 2020